

Jilid 1, 2011



# **I**nformika

## JURNAL

peradaban informasi dan ilmu

**Tema : Perpustakaan Pemangkin Peradaban**

# **INFORMIKA**

## **JILID 1, 2011**

### **Penerbit**

Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA

### **Sidang Editor**

Shaharom TM Sulaiman (*Ketua*)  
Wan Ab. Kadir Wan Dollah (*Timbalan Ketua Editor*)

### **Editor Pelaksana**

Hasnah Hashim  
Husain Hashim  
Mohd Jailani Paiman  
Mohamad Noorman Masrek  
Mohd Sazili Shahibi  
Siti Arpah Noordin  
Zulkefli Mohd Yusop

### **Editor**

Prof. Dr. Adnan Jamaludin – *Universiti Teknologi MARA*  
Prof. Madya Dr. Hj. Laili Hj. Hashim – *Universiti Teknologi MARA*  
Prof. Madya Dr. Mohd Sharif Mohd Saad – *Universiti Teknologi MARA*  
Prof. Madya Fuziah Mohd Nadzar – *Universiti Teknologi MARA*  
Prof. Madya Dr. Rusnah Johare – *Universiti Teknologi MARA*  
Prof. Dr. Sohaimi Zakaria – *Universiti Teknologi MARA*  
Prof. Dato' Dr. Raja Abdullah Yaacob – *Universiti Teknologi MARA*

### **Editor Perunding**

Prof. Emeritus Dato' Dr. Osman Bakar – *International Institute of Advanced Islamic Studies Malaysia*  
Prof. Emeritus Dr. Abdullah Hassan – *Universiti Pendidikan Sultan Idris*  
Prof. Dr. Ding Choo Ming – *Universiti Kebangsaan Malaysia*  
Prof. Madya Dr. Abu Hassan Hasbullah – *Universiti Malaya*  
Dr. Roosfa Hashim – *Universiti Kebangsaan Malaysia*  
Dr. Wan Ali Wan Mamat – *Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*

### **Alamat Penerbit**

Kampus Puncak Perdana,  
40150 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.  
(Tel.: 03-7962 2020 Faks.: 03-7962 2007)

Harga: RM20.00 (Malaysia)  
USD20.00 (Luar Negara)

# INFORMIKA

## JILID 1, 2011

### Kandungan

<b>Perpustakaan Pemangkin Peradaban</b> <i>Abu Hassan Hasbullah</i>	1-12
<b>Perpustakaan Pemangkin Peradaban di Dunia Barat dan Melayu: Dulu, Kini dan Kelak</b> <i>Ding Choo Ming</i>	13-26
<b>Perkembangan dan Cabaran Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam Pendidikan dan Latihan Pustakawan dan Profesional Maklumat</b> <i>Adnan Jamaludin dan Shamsul Kamal Wan Fakeh</i>	27-36
<b>Kredibiliti Maklumat Digital dari Internet</b> <i>Mohd Sazili Shahibi, Hasnah Hashim, Juwahir Ali dan Muhamad Khairul Nizam Zaini</i>	37-44
<b>Keberkesanan Institusi Masjid dalam Penyebaran Ilmu dan Maklumat: Satu Kajian Kes</b> <i>Rosnita Sahrani, Imilia Ibrahim dan Valentino Abu Bakar</i>	45-52
<b>Epistimologi Ilmu dalam Islam: Asas Falsafah Pengurusan Ilmu dan Maklumat</b> <i>Yaacob Yusoff Awang dan Mohd Zafian Mohd Zawawi</i>	53-62
<b>Pengurusan Rekod dan Undang-Undang</b> <i>Abdul Rahman Ahmad, Khairul Mizan Taib dan Ahmad Nazri Mansor</i>	63-74
<b>Pengurusan Risiko dalam Pengurusan Rekod Elektronik</b> <i>Azman Mat Isa dan Aliza Ismail</i>	75-90
<b>Perkhidmatan Maklumat Atas Talian Melalui Aplikasi Web 2.0</b> <i>Zulkefli Mohd Yusop, Yamin Kamis dan Hasnah Hashim</i>	91-102
<b>Faktor-faktor Kesedaran Terhadap Perpustakaan Digital di Institusi-institusi Pengajian Tinggi di Malaysia</b> <i>Razilan A. Kadir, Wan Ab. Kadir Wan Dollah, Mohd Sazili Shahibi dan Diljit Singh</i>	103-120
<b>Aplikasi Elemen Pemikiran Saintifik dalam Pengajian Syariah: Satu Pendekatan</b> <i>Rahimin Affandi Abd Rahim, Alias Azhar, Mohd Kamil Abd Majid dan Nor Hayati Md Dahlal</i>	121-136
<b>Kompetensi untuk Profesional Maklumat di Zaman Masyarakat Bermaklumat</b> <i>Ahmad Azman bin Mohamad Ramli</i>	137-146
<b>Keterpesonaan Terhadap Perpustakaan: Belajar dari Catatan Sejarah</b> <i>Shaharom TM Sulaiman dan Wan Ab. Kadir Wan Dollah</i>	147-149

*Suggested Cataloguing-in-Publication Data*

**Informika: Jurnal Peradaban Informasi dan Ilmu**

Vol. 1 (2011) -

Shah Alam: Fakulti Pengurusan Maklumat

ISSN 2231-7104

1. Library science - Periodicals.
2. Library science - Malaysia - Periodicals.
3. Library science - Developing countries - Periodicals. I. FPM II. Z671

@ 2011 Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM

Pendapat dalam makalah yang disiarkan tidak semestinya mewakili pendapat Editor jurnal ini atau pengurusan pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM.

# INFORMIKA

## JILID 1, 2011

### Iftitah Editor

Para pemikir dan futuris telah pun meramalkan dan akan terus meramal, bahawa abad ini dan abad mendatang akan diwarnai oleh informasi. Inilah abad yang dilabel *information revolution, information exchange, information as commodity* dan berbagai lagi slogan berkaitan yang merentas peradaban manusia.

Peradaban manusia diwarnai oleh ilmu dan informasi yang bermakna, yang memberi erti kepada peradaban itu sendiri. Dalam peradaban ini, penguasaan ilmu dan informasi menjadi aktiviti utama sama ada pengurusan, perolehan, pengumpulan, penyebaran, penyusunan, dan apa sahaja yang memberi erti informasi berguna kepada masyarakat dan peradaban itu sendiri.

'*Informika*' lahir dari keinginan besar untuk memberi makna kepada ilmu dan informasi yang manfaat kepada masyarakat, sarjana, intelektual, pustakawan, pekerja ilmu, pekerja maklumat dan karyawan. Pokoknya, segala profesi dan bidang kerjaya maklumat ilmu dan informasi mendapat tempat yang sewajarnya. '*Informika*' berminat dengan segala permasalahan ilmu dan informasi. Atau dengan kata lain, jurnal ini ingin membuka seluas-luasnya gerbang ilmu dalam sains informasi kepustakawanan, pengurusan sistem dan rekod, dunia buku dan penerbitan, manuskrip dan koleksi khas, komunikasi dan media, hatta pengajian masa depan (*future studies*) turut mendapat tempat. Itulah hal-hal yang mewarnai peradaban informasi, yang telah dilalui, sedang dilalui dan akan terus dilaluinya. '*Informika*', berkeinginan besar untuk menjadi jurnal berwasit dunia informasi berbahasa Melayu yang dihormati, disegani di rantau DUNIA MELAYU ini.

Untuk itu, '*Informika*' mengundang para pemikir, sarjana, pustakawan, pakar maklumat, pakar media dan komunikasi, para penyelidik termasuk 'orang-orang kecil' yang berminat dengan '*Informika*' ini untuk menyumbang pandangan. Dengan kata lain, '*Informika*' berharap akan menjadi wadah dan suara bicara. Untuk itu, '*Informika*' sedia dikritik, ditegur kerana itu sebahagian dari proses yang akan memamatkan kelangsungan *Informika: Jurnal Peradaban Informasi*.

Dalam keluaran sulung ini, '*Informika*' memfokuskan tema 'Perpustakaan Pemangkin Peradaban'. '*Informika*' terpenggil untuk mengajak para pembaca menghayati kembali semangat leluhur sebuah tradisi yang telah sejak berabad dan berzaman mencemerlangkan dan mencerdaskan peradaban manusia tanpa henti dan jemu. Itulah sebuah tradisi mulia yang tidak pernah 'mati' dan akan terus 'hidup', iaitu sebuah tradisi bernama 'perpustakaan dan kepustakawanan'.

Apa tidaknya, dalam 'rahim' perpustakaan, lahirlah pustakawan 'par excellence' sekaligus menjadi ilmuwan tersohor, saintis, matematikawan, failasuf. Nama-nama cemerlang seperti Musa Al-Khawarizmi, Al-Farabi, Mohammed Khatami, sebagai contoh, lahir dari tradisi gemilang tersebut. Mereka bukan pustakawan yang 'teknis' dan 'rutin' dengan kerja-kerja mekanistik maklumat tetapi seorang yang berilmu sekaligus seorang sarjana. Mana mungkin sebuah tradisi yang hebat hanya disertai oleh mereka yang tidak ada 'pilihan kerjaya', tidak mencintai ilmu, buku dan wacana tinggi. Dengan kata lain, kita memerlukan sebuah perspektif holistik dalam membentuk citra 'Pekerja ilmu' dan 'Pekerja Maklumat' yang mewarisi tradisi perpustakaan hari ini.

Perpustakaan sebenarnya adalah 'roh' peradaban. Kerana itulah dalam sejarah penaklukan dunia, bangsa Monggol membakar dan menjarah Perpustakaan-perpustakaan

di Baghdad, bangsa Rom menjarah Perpustakaan Iskandariah di Mesir, perpustakaan tertua dunia yang menyimpan jutaan 'papyrus' warisan leluhur manusia, bangsa Serb menjarah Perpustakaan Sarajevo yang menyimpan lima ribu manuskrip dalam bahasa Parsi, Arab, Russia dan Turki; kerana semua bangsa penakluk tahu untuk membunuh kelangsungan bangsa yang ditakluknya ialah dengan memusnahkan perpustakaan kerana di dalamnya terkumpul khazanah keintelektualan sesebuah bangsa. Itu cara terbaik untuk 'melenyapkan' sebuah bangsa dan identitinya. Perpustakaanlah yang memberi makna pada peradaban itu sendiri dan bukannya 'artifak', bangunan besar, kerana dalam perpustakaan tercermin segala khazanah kebijaksanaan, kebijakan, keilmuan dan keintelektualan manusia. Benarlah kata Samuel Johnson, seorang pemikir Amerika, *'No place affords a more striking conviction of the vanity of human hopes than a library'*. Esei oleh Abu Hassan Hasbullah dan Ding Choo Ming dalam keluaran sulung *'Informika'* ini membuktikan dan merefleksikan kecemerlangan tradisi tersebut.

**SELAMAT MEMBACA!**

## **Perkhidmatan Maklumat Atas Talian Melalui Aplikasi Web 2.0**

**Zulkefli Mohd Yusop, Yamin Kamis dan Hasnah Hashim**

Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA,  
40150 Shah Alam, MALAYSIA

E-mel: myzulkefli@salam.uitm.edu.my

### **ABSTRAK**

*Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang pesat telah mengakibatkan perubahan besar dalam profesion maklumat. Pengurusan, pengaksesan, dan penyebaran maklumat menjadi lebih mudah dengan wujudnya aplikasi-aplikasi atas talian berasaskan web. Banyak perkhidmatan berasaskan web telah dibangun dan diadaptasikan dengan perkhidmatan maklumat yang memudahkan maklumat diakses secara maya dan efektif. Artikel ni membincangkan perkhidmatan dan aplikasi Web 2.0 yang digunakan secara meluas dalam perkhidmatan maklumat. Ia juga membincangkan bagaimana aplikasi Web 2.0 ini digunapakai dan diadaptasikan dalam perkhidmatan maklumat bagi mewujudkan perkhidmatan maklumat atas talian yang efektif.*

**Kata kunci:** *Perkhidmatan Maklumat, Professional Maklumat, Internet, World Wide Web, Web 2.0*

### **PENGENALAN**

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah membawa kepada perubahan dan pembangunan yang drastik dalam pengurusan dan profesion maklumat. Dalam era pengurusan dan dapatan semula maklumat berlaku satu transformasi yang signifikan dari segi pengurusan, penyampaian dan penyebaran maklumat. Kesan dari fenomena letusan maklumat juga telah membawa kepada perubahan menyeluruh dari segi pendekatan yang dijalankan oleh sesebuah organisasi maklumat bagi mengumpul, mengurus, menyebar dan juga mempakej semula maklumat.

Penggunaan perkhidmatan perpustakaan secara tradisional memerlukan seseorang itu berada secara fizikal di perpustakaan bagi menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan. Dengan kewujudan perkhidmatan secara atas talian cara tersebut telah menjadi tidak popular di kalangan para pengguna. Pengguna generasi baru yang mahir menggunakan teknologi maklumat lebih selesa dan biasa menggunakan perkhidmatan atas talian yang membolehkan mereka mengumpul, mengkategorikan, menyaring, menyebar dan menerbitkan sumber-sumber maklumat atas talian melalui Internet.

Internet merupakan satu ruang yang tiada batasan bagi menyalurkan dan mendapatkan maklumat. Halaman web menjadi satu saluran baru bagi menyebarkan maklumat-maklumat organisasi, perniagaan, peribadi, serta juga bersembang secara atas talian. Teknologi web bermula dengan Web 1.0 pada sekitar pertengahan tahun 90an sebagai satu landasan untuk menyebar dan menerbitkan maklumat secara bebas. Maklumat-maklumat berkenaan dengan universiti, kolej, kerajaan, korporat dan juga badan bukan kerajaan (NGO) boleh diperolehi melalui portal dan halaman web.



Web 1.0 amat popular kerana ia dapat menyalurkan maklumat secara pantas, murah dan juga liputannya yang tidak terhad. Walaupun begitu terdapat beberapa kelemahan pada Web 1.0 ini. Kandungan yang disediakan menggunakan Web 1.0 bersifat tidak dinamik. Kandungan dari halaman ataupun portal tersebut bersifat statik dan tidak dapat berkembang dengan sendirinya. Pengguna-pengguna tidak mempunyai hak dan peluang untuk memberi tindakbalas seperti memberi komen dan juga mengemaskini kandungan halaman web dan portal tersebut.

Senario ini telah berubah dengan berlakunya evolusi Internet dalam sekitar tahun 2005. Evolusi ini telah mendedahkan pengguna-pengguna kepada satu kaedah baru penggunaan Internet dalam menyalur, menyebarkan dan mencari maklumat melalui teknologi Web 2.0.

## **WEB 2.0**

Konsep Web 2.0 ini telah diilhamkan oleh Tim O'Reilly dan dibentang secara rasmi dalam persidangan Web 2.0 yang pertama pada tahun 2004. Menurut beliau, Web 2.0 merujuk kepada aplikasi dan perkhidmatan berasaskan web yang menggunakan Internet. Aplikasi dan perkhidmatan ini membolehkan pengguna-pengguna bersama-sama berkongsi data, terlibat dalam pembangunan kandungan, pengemaskinian data dan perkhidmatan serta bersepadu dalam menghasilkan maklumat terbaru dan terkini. Pengguna-pengguna di serata dunia dihubungkan melalui antara muka, perkhidmatan dan landasan yang sama dalam proses pengkayaan kandungan serta berkongsi dan bertukar maklumat. O'Reilly (2005) menyatakan bahawa Web 2.0 merupakan satu rangkaian yang digunakan sebagai landasan yang menghubungkan segala peranti yang membolehkan pengguna mengakses halaman web tanpa batasan perkakasan dan juga perisian.

Dalam persekitaran Web 2.0 pengguna-pengguna terlibat secara aktif bukan hanya pada penghasilan kandungan tetapi mereka mengumpul, mengurus, mengemaskini, menyebarkan, mengulas dan juga membungkus semula maklumat. Web 2.0 merupakan satu perbincangan di mana pengguna-pengguna berpeluang untuk menonjolkan, memberi ulasan dan berkongsi pendapat terhadap sesuatu topik, sumber dan perkhidmatan secara atas talian. Penglibatan dari segi interaksi dan sumbangan adalah digalakkan bagi setiap pengguna dan ini akan meningkatkan lagi kualiti kandungan yang dihasilkan. Ini telah membawa kepada terhasilnya satu konsep "*user-generated content*" yang wajar diamalkan dalam mencapai kebijaksanaan kolektif.

## **APLIKASI DAN PERKHIDMATAN WEB 2.0**

### **RSS**

RSS adalah singkatan dari perkataan "*Really Simple Syndication*" yang menggunakan format XML untuk menerbitkan dan menghebahkan ringkasan kandungan halaman web secara serentak seperti artikel, blog, podcast, vodcast dan lain-lain. RSS merupakan satu siri tag maklumat seperti judul, pengarang, ringkasan dan juga pautan kepada halaman web. Pengguna-pengguna tidak perlu lagi melayari sesebuah halaman web hanya untuk mengetahui maklumat-maklumat dan juga pengemaskinian terkini yang dilakukan tetapi mereka hanya perlu melanggan kepada RSS yang akan memberi maklumat ringkas terhadap pengemaskinian yang telah dilakukan secara berterusan. Ini akan menjimatkan masa serta memberi kemudahan kepada pengguna-pengguna yang tidak mempunyai



talian Internet berkelajuan tinggi. Kemudahan RSS ini amat mesra pengguna dan ia juga disokong oleh kebanyakan *browser* versi 4.0 dan terkini.

### **Social Bookmarking**

Pautan-pautan Internet yang popular seperti halaman web, blog, artikel dan lain-lain boleh disimpan dalam satu halaman khas yang dipanggil "*bookmark*". Halaman-halaman web yang menarik dan berguna akan ditanda dan di "*tag*" oleh pengguna-pengguna Internet melalui halaman "*bookmark*" yang membolehkan mereka memberi sedikit ulasan berkenaan dengan halaman tersebut. Halaman-halaman web "*bookmark*" yang di "*tag*" dengan kata kunci boleh diakses oleh pengguna-pengguna bagi memudahkan mereka mendapatkan maklumat. Tag-tag ini diurus dan disaring mengikut kesesuaian sesuatu halaman web tersebut. *del.icio.us* adalah satu contoh aplikasi "*bookmark*" yang popular di masa kini yang menawarkan saringan kolaboratif bagi "*bookmark*" yang terkandung di dalamnya.

### **Blog**

Blog adalah aplikasi popular yang lazimnya dianggap sebagai diari peribadi yang dikongsi secara atas talian. Blog merupakan satu halaman web yang mengandungi entri-entri yang disenaraikan secara kronologikal. Ia memaparkan maklumat-maklumat ringkas, pautan-pautan dan juga komentari pendek yang dihantar oleh beberapa individu mahupun kumpulan. Perkataan blog berasal dari "*weblog*" yang menyatakan proses pengemaskinian senarai halaman web secara konsisten. Blog telah diterima sebagai sumber rujukan maklumat yang penting pada masa sekarang. Isi kandungan sesebuah blog lazimnya terhasil apabila individu mahupun kumpulan memasukkan maklumat sesuatu kejadian, peristiwa, pendapat, dan lain-lain yang disertai dengan pautan-pautan dan gambar-gambar yang berkaitan dengan tujuan hebahan, perkongsian maklumat serta juga untuk mendapat publisiti. Di antara penyedia blog yang popular adalah seperti Blogger, Blogspot dan WordPress.

### **Social Networking**

Halaman "*social networking*" membolehkan pengguna menyimpan dan mengemaskini maklumat-maklumat peribadi rakan-rakan di dalam satu antara muka yang sama. Pengguna-pengguna boleh membina satu rangkaian maklumat peribadi rakan-rakan yang boleh dikongsi bersama. Setiap halaman mengandungi maklumat am, gambar, pautan blog, album, ruang sembang, pesanan, multimedia, pengundian dan lain-lain. Banyak aplikasi-aplikasi baru yang telah disepadukan ke dalam halaman rangkaian sosial ini. Di antara halaman rangkaian sosial yang popular pada hari ini adalah seperti Friendster, Facebook, MySpace dan LinkedIn.

### **Multimedia Sharing Site (Content Tagging)**

Halaman yang mengurus koleksi multimedia (*content-tagging*) menjadi popular apabila individu dan kumpulan mula meletakkan foto peribadi, audio dan video untuk dikongsi bersama-sama dengan pengguna-pengguna lain. Foto, audio dan video ini telah ditagkan dengan kata kunci yang sesuai mengikut fungsinya dan dapat menarik perhatian ramai pengguna Internet. Flickr, PhotoBucket, Webshot, Podcast dan YouTube merupakan aplikasi-aplikasi yang popular dan lazim digunakan oleh pengguna-pengguna Internet. Apa

yang menarik bagi halaman ini adalah kandungannya bersifat “*user-generated content*” di mana pengguna-pengguna sendiri yang memuatnaik foto, audio dan video dan seterusnya mereka juga yang memberi ulasan terhadap kandungan tersebut.

### **Wikis**

Wikis pula membekalkan kandungan intelektual yang berguna dalam bentuk artikel atau perbincangan. Wikis merupakan halaman web yang membolehkan pengguna-pengguna menghasilkan sesuatu maklumat dan seterusnya mengemaskinikan maklumat tersebut serta bersetuju secara bersama kandungan yang dihasilkan. Pembangunan kandungan dilakukan secara kolektif dan kolaboratif. Mereka bekerjasama dalam mengabungkan ilmu pengetahuan mereka untuk faedah bersama. Mereka menyumbang pelbagai maklumat, sumber maklumat, panduan dan lain-lain lagi bagi memastikan kandungan tersebut berkembang dan menyeluruh. Di antara aplikasi Wikis yang lazim digunakan adalah Wikipedia dan Wikimapia.

### **Mashups**

Mashups merupakan gabungan dua atau lebih perkhidmatan-perkhidmatan Web 2.0 seperti RSS untuk menghasilkan aplikasi baru. Kandungan dalam Mashups diperolehi dari sumber pihak ketiga melalui antaramuka (API) atau perkhidmatan web yang memproses data tersebut supaya mempunyai nilai untuk pengguna-pengguna halaman web tersebut. Antara aplikasi-aplikasi yang lazim digunakan adalah seperti Flickrvision, Travature, WikiCrimes dan Pageflakes.

## **APLIKASI WEB 2.0 DALAM PERKHIDMATAN MAKLUMAT ATAS TALIAN**

Aplikasi Web 2.0 berkait rapat dengan unsur-unsur interaktiviti manusia yang turut menjadi fokus utama dalam perkhidmatan atas talian perpustakaan. Integrasi aplikasi Web 2.0 dengan perkhidmatan atas talian perpustakaan bukan sahaja akan membuahkan kesan yang positif, malahan turut dihargai oleh pengguna.

Terdapat banyak aplikasi Web 2.0 yang boleh diguna pakai dalam perkhidmatan atas talian perpustakaan. Perkhidmatan atas talian perpustakaan kebiasaannya meliputi perkara-perkara seperti rujukan penyelidikan, carian katalog, bahan-bahan promosi perpustakaan, khidmat literasi perpustakaan, makluman bahan-bahan terkini, dan juga sebagai medium hubungan di antara fakulti, ahli akademik, penyelidik, pelajar dan lain-lain pengguna.

Aplikasi-aplikasi dalam Web 2.0 sebenarnya bukanlah sesuatu yang asing kepada perkhidmatan atas talian perpustakaan. Barangkali cuma istilah “Web 2.0” sahaja yang mungkin jarang digunakan oleh pengguna perpustakaan. Hakikatnya aplikasi-aplikasi Web 2.0 seperti pesanan segera (*instant messaging*), rangkaian sosial (*Social Network*) dan blog sebenarnya sudah lama digunakan oleh kebanyakan orang. Aplikasi-aplikasi ini sebenarnya boleh digunakan oleh perpustakaan mengikut keperluan dan kesesuaian masing-masing. Malahan banyak perpustakaan sebenarnya telah mengadaptasi aplikasi ini dengan jayanya dalam perkhidmatan atas talian mereka.

### **Pesanan segera (*Instant Messaging*)**

Pesanan segera ataupun “*Chat Reference Services*” adalah salah satu aplikasi popular Web 2.0. Aplikasi ini membolehkan pengguna berhubung secara terus dengan pustakawan tanpa mengira masa dan lokasi. Terdapat banyak khidmat pesanan segera yang ditawarkan secara percuma di Internet seperti Yahoo Messenger (<http://messenger.yahoo.com>) dan Google Talk (<http://www.google.com/talk>). Antara contoh perpustakaan yang menggunakan pakai perkhidmatan ini adalah Ohio University Library (<http://www.library.ohiou.edu/ask/skype.html>) dan Oregon State University (<http://osulibrary.orst.edu/cascades/chat.htm>).

Pesanan segera juga boleh didapati pada kebanyakan aplikasi gajet mudah-alih dan amat popular terutama dikalangan generasi kini. Dalam persekitaran perpustakaan, pustakawan boleh menggunakan aplikasi ini untuk melayan pertanyaan pengguna atau menyediakan rujukan pantas. Pesanan segera juga boleh digunakan untuk membantu pengguna dalam pencarian maklumat melalui temubual rujukan ringkas. Di samping menjalankan tanggungjawab hakiki untuk membantu pengguna, pesanan segera juga mampu membina hubungan baik di antara pustakawan dan pengguna. Kedua-dua pihak boleh menggunakan medium ini untuk bertukar-tukar pendapat, berkongsi pengalaman, mendengar masalah dan mendalami keperluan pengguna.

### ***Really Simple Syndication***

*Really Simple Syndication* atau RSS adalah satu lagi aplikasi atas talian yang boleh dimanfaatkan oleh pustakawan dan perpustakaan. Aplikasi ini biasanya ditawarkan secara percuma dan terdapat banyak pilihan di Internet. Antara pembekal RSS atau feed aggregator yang popular adalah Feed Digest ([www.feedException.com](http://www.feedException.com)), Google Reader ([www.reader.google.com](http://www.reader.google.com)), Awasu Personal Edition ([www.awasu.com](http://www.awasu.com)) dan pelbagai lagi. RSS boleh menjadi aplikasi yang berkesan untuk memaklumkan pengguna dengan pelbagai topik terkini daripada topik umum hingga ke topik khusus.

RSS membolehkan perpustakaan untuk membangunkan kandungan laman web yang dihubungkan dengan maklumat daripada pelbagai enjin carian dan kesemuanya memaparkan kandungan terkini. Mereka juga boleh mengumpul laman-laman yang bersesuaian seperti sumber-sumber rujukan atau membina direktori berasaskan subjek melalui laman web perpustakaan. Melalui “*aggregator*” ini, laman web akan sentiasa memaparkan kandungan terbaru dan seterusnya membantu pengguna perpustakaan kekal dengan maklumat terkini. Contoh laman web sedia ada yang menggunakan pendekatan sebegini adalah Daily Rotation di [www.dailyrotation.com](http://www.dailyrotation.com) yang membekalkan maklumat daripada lebih 300 laman teknikal dan Detod di <http://my.detod.com> yang mengandungi maklumat perundangan.

Perpustakaan-perpustakaan di seluruh dunia juga telah mula mengadaptasi aplikasi ini. Perpustakaan Massachusetts Institute of Technology atau MIT (<http://libraries.mit.edu/help/rss/barton/>) misalnya, menggunakan “*feed*” untuk memaparkan buku-buku baru dalam katalog perpustakaan mereka berdasarkan tajuk perkara. Mereka juga turut sentiasa memaklumkan pengguna mereka dengan bahan-bahan yang terkini seperti tesis baru dan menyelenggara pautan berguna untuk penyelidikan.

### **Podcasting**

Terdapat banyak perkhidmatan perpustakaan yang boleh dibina menggunakan podcast. Sebagai contoh, pustakawan boleh menggunakannya untuk menjalankan lawatan perpustakaan, bahan-bahan untuk program kemahiran literasi maklumat ataupun sebagai makluman kepada pengguna berkenaan berita semasa atau acara-acara perpustakaan. Ia juga sesuai untuk penyediaan pelbagai bentuk "*instructional guides*" seperti untuk penggunaan, kemudahan, perkhidmatan atau peralatan perpustakaan.

Pustakawan juga boleh mencampurkan persembahan audio ini dengan aplikasi lain seperti *PowerPoint* dan menerbitkannya dalam laman web atau blog. Antara aplikasi podcasting yang popular dan boleh didapati secara percuma di Internet adalah Audacity ([www.audacity.sourceforge.net](http://www.audacity.sourceforge.net)) dan Odeo Studio ([www.studio.odeo.com](http://www.studio.odeo.com)). Manakala contoh perpustakaan yang menggunakannya pula adalah British Library (<http://www.bl.uk/podcast>) dan Ohio University Libraries (<http://www.library.ohiou.edu/vtour/podcast/>).

### **Social Bookmarking**

"*Social bookmarking*" boleh dikatakan sebagai elemen paling penting yang boleh dimasukkan dalam perkhidmatan atas talian perpustakaan. Kerja-kerja rujukan misalnya, secara asas melibatkan penyediaan panduan-panduan, pengesanan bahan-bahan dan direktori-direktori maklumat. Di sinilah "*social bookmarking*" boleh menjadi alat utama untuk melengkapkan perkhidmatan ini. Menerusinya, pustakawan boleh mendapatkan sumber-sumber rujukan berguna dan membangunkan direktori pelbagai subjek. Mereka boleh mengumpul tag-tag, membina sumber-sumber bibliografi yang berkaitan, senarai bacaan dan topik-topik mengenai subjek tertentu.

Mereka juga boleh berkongsi atau membenarkan pengguna lain untuk memasukkan "*Uniform Resource Locator*" atau URL yang berkaitan. Ciri-ciri ini membolehkan pustakawan berkongsi pandangan dan pengalaman dengan yang lain. Disebabkan Web 2.0 adalah lebih fokus kepada kandungan pengguna, maka bukan setakat pustakawan sahaja, malahan sesiapa jua yang berminat tanpa mengira tahap kedalaman pengetahuan tentang sesuatu subjek boleh mengumpul laman-laman web yang berguna. Ia merupakan kerjasama menyeluruh yang melibatkan kesemua lapisan pengguna terutamanya di kalangan ahli akademik dan penyelidik yang memberi nilai tambah dalam memperkayakan kandungan maklumat. Orang lain yang merasakan kandungan laman web perpustakaan adalah berguna mungkin akan sama menetag sumber-sumber ini, mengembangkannya dan seterusnya menetag ke dalam *social bookmark* mereka sendiri. "*Social bookmark*" bukan sahaja mengumpulkan pautan-pautan berguna, malahan ia turut memberikan peluang kepada pengguna untuk menganotasi dan mengkategorinya dalam "*folder*" mengikut topik atau subjek.

Furl ([www.furl.net](http://www.furl.net)) dan del.icio.us ([www.delicious.com](http://www.delicious.com)) merupakan antara contoh popular yang membekalkan ciri-ciri ini. Penggunaan "*Social Bookmark*" telah dipraktikkan secara meluas dalam banyak perkhidmatan atas talian perpustakaan di seluruh dunia. Di University of Pennsylvania (<http://tags.library.upenn.edu/>) sebagai contoh, pustakawannya membangunkan "*Social Bookmark*" mereka sendiri sebagai alat untuk mengumpul dan menyelenggara URL, pautan-pautan kepada artikel jurnal and rekod perkhidmatan perpustakaan. Pengguna juga boleh memuat-turun toolbar khas yang membolehkan kandungan ditambah ke dalam "*Social Bookmark*".

## **Blog**

Blog merupakan satu lagi aplikasi popular yang lazimnya dianggap sebagai diari peribadi yang dikongsi atas talian. Perpustakaan juga boleh membuat diari peribadi mereka sendiri, untuk berkongsi berita dan menghebahkan maklumat terkini kepada penggunanya. Antara perkara yang boleh dikongsi melalui blog termasuklah maklumat bahan-bahan baru, waktu operasi, acara-acara dan hebahan lain. Pustakawan rujukan misalnya boleh mempromosikan koleksi perpustakaan menerusi ruangan ulasan buku dan menggalakkan pengguna turut serta membuat ulasan di dalamnya. Seseengah perisian pembangunan blog membenarkan pustakawan untuk memasukkan senarai bacaan yang bersambung dengan Amazon.com. Pustakawan juga boleh mewujudkan senarai buku cadangan untuk subjek-subjek tertentu atau menjemput ahli akademik untuk mengambil bahagian dalam membina senarai tersebut. Melalui blog, pustakawan juga boleh berkongsi pengalaman dan teknik yang betul dalam proses pencarian maklumat seperti membangunkan panduan umum pencarian maklumat di pangkalan data atau koleksi khas perpustakaan masing-masing.

Dalam kebanyakan aplikasi atas talian, blog merupakan instrumen yang paling banyak digunakan oleh perpustakaan dan pustakawan. Terdapat banyak laman blog yang dibangun dan diselenggara oleh pustakawan seperti The Shifted Librarian ([www.theshiftedlibrarian.com](http://www.theshiftedlibrarian.com)) dan Library Crunch ([www.librarycrunch.com](http://www.librarycrunch.com)). Perpustakaan-perpustakaan di seluruh dunia juga banyak yang mempunyai blog rasmi masing-masing seperti Ohio University Library Business Blog ([www.library.ohiou.edu/subjects/businessblog](http://www.library.ohiou.edu/subjects/businessblog)), Kansas State University blogs (<http://ksulib.typepad.com/>), Multimedia University Malaysia blog (<http://vlib.mmu.edu.my>) dan Universiti Malaya (<http://vlib.um.edu.my>) .

## **Wikis**

Wikis pula membekalkan kandungan intelektual yang berguna dalam bentuk artikel atau perbincangan. Dengan Wikis, perpustakaan boleh memulakan topik dan mengembangkannya melalui maklum balas dan respon pengguna. Antara Wikis tentang perpustakaan yang popular ialah Library Success: A best practice wikis (<http://www.libsuccess.org/>) yang menggalakkan pustakawan seluruh dunia berkongsi cerita-cerita kejayaan mereka manakala Library Wikis (<http://librarywikis.pbwiki.com/>) pula mengumpul Wikis yang digunakan oleh perpustakaan-perpustakaan. Pustakawan juga boleh menggunakan Wikis untuk menulis peraturan perpustakaan, kaedah carian berkesan, dan pengalaman berkongsi maklumat. Antara contoh Wikis yang dibangun untuk perpustakaan adalah dari Oregon University Library (<http://instructionwiki.org>).

## **Mashups**

Mashups pula merupakan sebuah aplikasi yang mana sumber-sumber dibangun daripada dua atau lebih perkhidmatan web sedia ada. Pustakawan boleh menaksplorasinya dalam penyediaan promosi perpustakaan, video korporat atau montaj. Mereka juga boleh mencampur-aduk (*mashups*) kandungan perpustakaan dan menawarkan perkhidmatan baru yang lebih inovatif. Antara contoh yang digunakan oleh perpustakaan termasuklah Cambridge Public library (<http://www.cambridgelibraries.ca/hot/carousel.cfm>) dan rujukan sedia seperti Place-Opedia (<http://www.placeopedia.com/>) yang menggabungkan peta Google dan artikel Wikipedia dan Dogdott (<http://doggdot.us>) yang menggabungkan *social bookmark* seperti del.iciou.us, Slashdot dan Digg.

## **Perkongsian video dan gambar**

Antara laman web popular yang menyediakan kemudahan perkongsian gambar adalah Flickr ([www.flickr.com](http://www.flickr.com)). Manakala YouTube ([www.youtube.com](http://www.youtube.com)) pula sangat terkenal bagi perkongsian video. Pustakawan boleh membuat persediaan untuk perkongsian gambar bagi pameran maya dengan menarik perhatian pengguna melalui kempen, acara dan berita terkini. Dengan adanya perkhidmatan tersebut membolehkan pengguna mendapat peluang untuk mendapatkan maklumat dengan tidak perlu lagi ke perpustakaan.

Antara aktiviti yang boleh dilakukan dengan perkongsian video ialah lawatan ke perpustakaan, panduan menggunakan kemudahan perpustakaan, perpustakaan montaj, video korporat dan lain-lain. Video tersebut boleh dipaparkan melalui Internet atau YouTube dan boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana saja. Dengan itu perkhidmatan perpustakaan akan dipromosi dengan lebih berkesan mengikut keselesaan pengguna. Antara organisasi yang menggunakan kemudahan tersebut ialah Library of Congress ([http://www.flickr.com/photos/library\\_of\\_congress/](http://www.flickr.com/photos/library_of_congress/)), University of Winnipeg (<http://cybrary.uwinnipeg.ca/>) dan Sacramento State University Library (<http://library.csus.edu/>).

## **Social Networking (Rangkaian Sosial)**

Pustakawan boleh menggunakan kemudahan rangkaian sosial seperti Facebook ([www.facebook.com](http://www.facebook.com)) dan Friendster ([www.friendster.com](http://www.friendster.com)) untuk berkomunikasi dengan pengguna dengan menghebahkan berita, peristiwa, gambar-gambar dan sebagainya. Dengan itu pustakawan dapat membina hubungan baik dan mempelajari tabiat pengguna, menanalisa dan memahami kehendak serta pandangan pengguna. Profil pengguna yang sangat berguna ini boleh diguna pakai oleh pustakawan untuk memahami minat dan keperluan pengguna. Dengan itu, pustakawan dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna setelah memahami latar belakang, perbezaan budaya mereka.

Melalui rangkaian sosial juga, pustakawan dapat berkongsi pengalaman, pandangan dan ilmu pengetahuan dengan pengguna dan sebaliknya. Antara perpustakaan yang telah lama menggunakan aplikasi tersebut seperti British Library (<http://www.facebook.com/pages/The-British-Library/8579062138>) dan Sacramento Public Library (<http://www.facebook.com/pages/Sacramento-CA/Sacramento-State-University-Library/6716435962>)

## **Perkhidmatan Mix and Match**

Bagi meningkatkan perkhidmatan rujukan, perpustakaan perlu menggabungkan aplikasi Web 2.0 kepada satu platform. Sebagai contoh penggunaan *social bookmarking* boleh dipadankan dengan RSS untuk mendapatkan maklumat terkini daripada laman web. Walaubagaimanapun, untuk mendapatkan blog yang lebih berkesan ia boleh digabungkan dengan RSS, *instant messaging*, gambar, perkongsian video dan podcasting. Antara blog yang mengintegrasikan weblogs, wikis, dokumen, RSS feeds untuk dikongsi dengan semua pengguna ialah podcasting Blogtronix ([www.blogtronix.com](http://www.blogtronix.com)).

Terdapat banyak perkhidmatan rujukan yang terdapat di laman Web yang menggunakan aplikasi tersebut dan terdapat juga aplikasi "*turnkey*" yang dijadikan sebagai rujukan. Sebagai contoh, Slideshare ([www.slideshare.net](http://www.slideshare.net)) adalah laman web yang menawarkan perkongsian persembahan power point. Di sini pustakawan boleh berkongsi bersama

pengguna dengan memuat turun bahan-bahan arahan, panduan perpustakaan, lawatan perpustakaan dan lain-lain. Selain daripada itu, terdapat juga aplikasi yang menarik seperti yang terdapat di MyStickies ([www.mystickies.com](http://www.mystickies.com)) di mana pengguna boleh meletakkan nota 'post it' di laman web. Manakala ada laman web yang menyediakan fungsi seperti 'ask a librarian' iaitu di ChaCha ([www.chacha.com](http://www.chacha.com)).

Perkhidmatan rujukan bagi aplikasi Web 2.0 boleh diringkaskan seperti berikut:

**Jadual 1: Perkhidmatan rujukan bagi aplikasi Web 2.0**

<b>Aplikasi Web 2.0</b>	<b>Perantara Popular</b>	<b>Fungsi</b>
<i>Instant Messaging</i>	<i>Yahoo Messenger, Skype, Google talk, MeeBoMe</i>	<i>Chat reference, offline instant messaging, rujukan virtual atas talian</i>
<i>RSS</i>	<i>Blogline, Feed Digest</i>	Kemaskini sumber rujukan, pemberitahuan berita terkini dan sumber-sumber baru
<i>Podcast</i>	<i>Audacity, MP3, iTunes</i>	<i>Information literacy</i> , lawatan perpustakaan, orientasi perpustakaan.
<i>Social Bookmark</i>	<i>Del.icio.us, Furl</i>	Direktori subjek
<i>Blog</i>	<i>Blogger, Wordpress b2evolution</i>	Aktiviti di perpustakaan, berita-berita terkini, pemberitahuan sumber-sumber baru, ulasan buku, tip-tip pencarian
<i>Wikis</i>	<i>Library Success, LibraryWikis, Oregon Library Instruction wiki</i>	Library instruction, tip carian, ulasan buku.
<i>Mashups</i>	<i>Place-Opedia, AllYourWords, Doggdot</i>	Promosi di perpustakaan, montaj perpustakaan, video korporat
<i>Photograph sharing</i>	<i>Flickr, Photobucket, Webshot</i>	Pameran <i>virtual</i> , kempen, acara yang sedang berlangsung di perpustakaan, berita terkini
<i>Video sharing</i>	<i>YouTube, Yahoo Video, Google Video</i>	Lawatan ke perpustakaan, arahan-arahan ringkas, <i>information literacy</i> , montaj perpustakaan, video korporat
<i>Social networking</i>	<i>Facebook, Friendster</i>	Aktiviti, gambar, tip pencarian, <i>profiling</i> .



## **Aplikasi Web 2.0 dan kesannya terhadap perpustakaan dan pengguna**

Pada dasarnya perpustakaan-perpustakaan di zaman yang serba moden ini telah banyak menggunakan teknologi sebagai langkah positif dalam menyediakan perkhidmatan kepada pengguna. Dengan kebangkitan dunia Internet yang maju, perkhidmatan perpustakaan dapat dipertingkatkan lagi menggunakan konsep "*Anytime Anywhere*". Menurut *Ranganathan's Law*, aplikasi Web 2.0 dalam konteks perkhidmatan perpustakaan telah dapat menyediakan peningkatan kemudahan teknologi seterusnya telah membuktikan bahawa "*Library is a growing organism*".

Penggunaan teknologi Web 2.0 telah memberi kesan positif kepada kedua-dua belah pihak iaitu perpustakaan dan pengguna itu sendiri. Dalam konteks perpustakaan, dengan kemasukan teknologi baru yang telah dipraktikkan telah membantu untuk mencapai objektif perpustakaan bagi menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada komuniti. Fenomena Web 1.0, kita dapat melihat ia membataskan pengguna untuk menyumbang isi kandungan seterusnya mewujudkan situasi di mana perpustakaan tidak dapat menyediakan perkhidmatan yang seiring dengan kehendak pengguna. Dengan kewujudan teknologi Web 2.0 ini, secara tak langsung perpustakaan berupaya untuk meningkatkan perkhidmatan yang sedia ada dan memberi peluang kepada pengguna untuk menyumbangkan sesuatu kepada perpustakaan.

Peluang yang diberikan kepada pengguna untuk menyumbang kepada isi kandungan dan aspek lain dalam perpustakaan, secara tak langsung membolehkan perpustakaan itu ditambah dan disumbang dengan maklumat-maklumat baru daripada pelbagai golongan pengguna. Dengan itu, dari masa ke semasa perpustakaan telah diperkayakan dengan maklumat akan untuk disediakan kepada masyarakat. Dalam situasi semasa, perpustakaan dapat memahami dan mengikut rentak generasi muda dan boleh diterima oleh masyarakat. Situasi ini juga bukan sahaja dapat memberi gambaran yang baik dan positif kepada masyarakat dan pengguna perpustakaan malah kepada organisasi-organisasi berkaitan.

Bagi pengguna perpustakaan, kesan positif tersebut dapat dirasai melalui perkhidmatan yang disediakan. Jika peluang yang diberikan kepada pengguna melalui teknologi Web 2.0 adalah memenuhi kehendak pengguna, kedua-dua belah pihak akan mendapat faedah yang sama dimana mereka akan berkongsi ilmu-ilmu baru dan pengalaman secara percuma. Lama-kelamaan situasi ini juga akan mewujudkan rasa tanggungjawab kepada mereka untuk menyumbang kepada perpustakaan dan masyarakat. Mereka akan merasa dihargai apabila sumbangan mereka mendapat perhatian lantas. Dengan itu pihak pentadbiran dapat membuat penilaian ke atas tahap kepuasan pengguna perpustakaan.

## **Kesimpulan**

Dengan aplikasi Web 2.0, perkhidmatan dan sumber perpustakaan mempunyai potensi untuk berkembang kepada tahap yang lebih baik. Artikel ini memfokuskan penggunaan Web 2.0 dalam menambatkan, memperbaiki dan melengkapkan perkhidmatan rujukan di perpustakaan akademik. Kerjasama di antara pustakawan dan pengguna akan membolehkan ilmu-ilmu baru dicipta, penambahan koleksi dan perpustakaan dapat menyediakan perkhidmatan "*mix and match*" seterusnya akan disalurkan kepada komuniti di universiti. Dengan cara ini, ia akan memberi gambaran yang positif dan baik terhadap

perkhidmatan perpustakaan seterusnya kepada golongan professional maklumat itu sendiri. Pengguna akan merasa mereka dihargai apabila segala sumbangan, usaha, ilmu pengetahuan mereka diambil kira dan diberi perhatian kerana prinsip Web 2.0 itu sendiri yang menggalakkan pengguna memberi *input*. Akibat daripada itu, perpustakaan akademik akan berkembang menjadi sebuah pusat pembelajaran, dan pembangunan dan penyelidikan yang berkualiti.

## **Rujukan**

- Birdsall, W. F. (2007). Web 2.0 as a social movement. *Webology*, 4(2). Retrieved from <http://www.webology.ir/2007/v4n2/a40.html>
- Bradley, P. (2007). *How to use Web 2.0 in your library*. London: Facet Publishing.
- Casarez, V. (2009). *Reshaping your business with Web 2.0 : using the new collaborative technologies to lead business transformation*. New York: McGraw-Hill.
- Deans, P. C. (2009). *Social software and Web 2.0 technology trends*. Hershey, PA: Information Science Reference.
- Deitel, P. J., & Deitel, H. M. (2008). *Internet & World Wide Web* (4th ed.). New Jersey: Pearson Education International.
- Joint, N. (2009). The Web 2.0 challenge to libraries. *Library Review*, 58(3), 167-175
- Linh, N. C. (2008). A survey of the application of Web 2.0 in Australasian university libraries. *Library High Tech*, 26.
- Maness, J. M. (2006). Library 2.0 theory: Web 2.0 and its implications for libraries. *Webology*, 3(2). Retrieved from <http://www.webology.ir/2006/v3n2/a25.html>
- Martin, G., Reddington, M., & Kneafsey, M. B. (2009). Scenarios and strategies for Web 2.0. *Education and Training*, 51(56), 370-380.
- O'Reilly, T. (2005). What is Web 2.0: design patterns and business models for the next generation of software, from <http://www.oreillynet.com/pub/a/oreilly/tim/news/2005/09/30/what-is-web-20.html?page=1>.
- Stephens, M. (2006). Exploring Web 2.0 and libraries. *Library Technology Reports*, 42(4), 8-14.
- Thomas, M. (2009). *Handbook of research on Web 2.0 and second language learning*. Hershey, PA: Information Science Reference.
- Vickery, G., Wunsch-Vincent, S., & Organisation for Economic Co-operation and Development. (2007). *Participative Web and user-created content: Web 2.0, wikis and social networking*. (Paris): Organisation for Economic Co-operation and Development.

- Sharon, B. (2006). Risk Management: What Should Be, What Is and What Could Be. <http://www.globalriskguard.com/html/articles.html> (26 April 2008).
- Simon, R. (1999). How risky is your organisation? *Harvard Business Review*, 77(3), 85-94.
- Thompson, D. (2003). Risk management: a brief history. *Journal of Banking and Financial Services*, 117(3), 30-32.
- Treasury Board of Canada Secretariat. (2001). Integrated Risk Management. [http://www.tbs-sct.gc.ca/pubs\\_pol/dcgpubs/riskmanagement/rmf-cgr1-1\\_e.asp](http://www.tbs-sct.gc.ca/pubs_pol/dcgpubs/riskmanagement/rmf-cgr1-1_e.asp) (15 September 2005).
- Watzke, G. (2005). The Arthur Andersen Reversal: Sound Records Management Still Required. [http://www.ironmountain.com/resources/resource.asp?svc1\\_code=1&resource\\_key=986](http://www.ironmountain.com/resources/resource.asp?svc1_code=1&resource_key=986) (19 September 2005).

## **SUDUT BERITA**

***'A-LIEP 2011: Asia-Pacific Conference on Library & Information Education and Practice- Issues, Challenges and Opportunities'* pada 22 – 24 Jun 2011 di Pullman Hotel Lakeside, Putrajaya.**

Persidangan adalah anjuran bersama Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA dengan kerjasama Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dan didokong oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Merupakan persidangan antarabangsa kali ke empat yang menjadi saluran kepada para peserta berbincang, berkongsi dan membahaskan isu-isu dan cabaran dalam bidang Perpustakaan dan Sains Maklumat terutama di rantau Asia-Pasifik. Sejak tahun 2006, 2007 dan 2009 persidangan A-LIEP telah berlansung di Singapura, Taiwan dan Jepun yang telah membawa kepada perubahan dan pembangunan setelah pelbagai isu diperbincangkan. Pada persidangan kali ini A-LIEP akan disertai oleh para ilmuan, penyelidik, pelajar, pekerja mahir dan individu yang berminat dalam bidang Perpustakaan dan Sains Maklumat melangkaui sempadan antarabangsa bagi mewujudkan rangkaian pendidikan, kolaborasi, pertukaran idea, dan perkongsian maklumat melalui pembentangan kertas kerja, perbincangan dan pameran.

***'World Congress of Muslim Librarians and Information Scientists 2011 (WCOMLIS)'* pada 16 – 17 November 2011 di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).**

Persidangan ini adalah anjuran Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dengan kolaborasi Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Menjadi saluran kepada para pustakawan dan saintis maklumat Islam untuk membincangkan sebarang masalah berkaitan maklumat dalam dunia Islam.

## LELUHUR PERPUSTAKAAN ISKANDARIAH

*'The very name of the Bibliotheca Alexandrina conjures up the image of glorious past, of a shared heritage, not just between Greece and Egypt, nor even of the whole Mediterranean, but a shared heritage for all of humanity. For it was indeed at the Ancient Library of Alexandria that the greatest adventure of the human intellect was to unfold.*

*2300 years ago, Alexander the Great, Aristotle's pupils, brought his dream of culture and conquest, of uniting the world and launching a new era to the timeless land of Egypt. Alexander selected the site for a new capital: Alexandria. His successors in Egypt, the Ptolemies, built Alexandria and made it the intellectual capital of the world. Its lighthouse, the Pharos, was considered one of the seven wonders of ancient world. But a greater legacy was the Ancient Library of Alexandria. Launched in 288 BC by Ptolemy I (Soter) under the guidance of Demetrius of Phaleron, the temple to the muses, or Mouseion (in Greek), or museum (in Latin) was part academy, part research center, and part library. The great thinkers of the age, scientists, mathematicians, poets from all civilizations came to study and exchange ideas. As many as 700,000 scrolls, the equivalent of more than 100,000 modern printed books, filled the shelves. The library was open to scholars from all cultures. Girls and boys studies regularly at the Ancient Library.*

*On this very spot: Aristarchus was the first person to state that the earth revolves around the sun, a full 1800 years before Copernicus. Eratosthenes proved that the earth was spherical and calculated its circumference with amazing accuracy, 1700 years before Columbus sailed on his epic voyage. Hipparchus established the first atlas of the stars and calculated the length of the solar year accurately to within 6.5 minutes. Callimachus the poet described the texts in the library organized by subject and author, becoming the father of the library science. Euclid wrote his elements of geometry, the basic text studied in schools all over the world even now. Herophylus identified the brain as the controlling organ of the body and launched a new era of medicine. Manetho chronicled the pharaohs and organized our history into the dynasties we use to this day. Zenodotus and the grammarians established the basics of literary scholarship with their meticulous definition of the Homeric text for the Iliad and Odyssey. And the list of great names and great achievement goes on and on.... Diophantes, Appolnius of Perga, Heron and visiting scholars such as Archimedes.... They and many others were all members of that amazing community of scholars, which mapped the heavens, organized the calendar, established the foundations of science and pushed the boundaries of our knowledge. They opened up the cultures of the world, established a true dialogue of civilizations. Indeed, it was at the ancient Library of Alexandria that 72 specialists first translated The Old Testament from Hebrew into Greek (the famous Septuagint). Together these scholars promoted rationality, tolerance and understanding and organized universal knowledge. For over six centuries the ancient of Alexandria epitomized the zenith of learning, as later scholars, such Claudius Ptolemy and Dioscoredes built on that explosion of knowledge and added their contributions. To this day it symbolizes the noblest aspiration of the human mind, global ecumenism, and the greatest achievement of the intellect. The library completely disappeared over sixteen hundred years ago...but it continues to inspire scientists and scholars everywhere.*

*The Bibliotheca Alexandrina was located in at least three buldings; (i) the original Museum in the royal district of the city, (ii) the additional building mostly for book storage, located on the harbor, and (iii) the "daughter Library" located in the Serapeum, the temple to*

*Serapis, cult god of Alexandria. The Serapeum was located in the southwest part of the city, the popular quarter. The library disappeared slowly, suffering a slow decline from the time of Caesar and Cleopatra. Indeed, the first disaster was in 48 B.C, when the part of the library located at the harbor was accidentally set afire during the Alexandrian war of Julian Caesar. However, Marc Anthony gave Cleopatra the 200,000 scrolls of Pergamon, to make up for the losses. Yet, subsequent upheavals within the Roman Empire resulted in the gradual neglect and ultimate destruction of the library. Roman armies came to Alexandria to restore order several times between 200 and 300 AD, and it was on one of those occasions, (probably the campaign of Aurelius in 272 AD) that the entire royal quarter and the original Museum were destroyed. Christianity was brought to Africa through Alexandria by St. Marc in the first century AD, and it was followed by merciless and brutal persecution of the Christians by the Roman in the first three centuries. Persecution ceased with the conversion of Constantine the Great, but schisms erupted in the church. Tensions were running high and tolerant church fathers such as Clement of Alexandria had to leave the city and his disciple Origen suffered much for his views. In 391 AD Emperor Theodosius issued a decree banning all religions other than Christianity and Christian Groups under Bishop Theophilus burnt the Serapeum in 391 AD. This was the end of the ancient library as a public institution. What remained were the scholars in uneasy co-existence with an increasingly militant Christian mob. Tragedy struck in 415 AD. Hypatia, daughter of Theon, last recorded scholar in Alexandria, herself the first woman in mathematics and astronomy, a Neo-Platonist philosopher and charismatic orator, was brutally murdered by the mob in 415 AD. She became the first martyr to science. Thus by 400 AD, the Library had vanished, and the era of Alexandria scholarship came to an end a few years later. It had thus disappeared over two centuries before the arrival of the Muslim Arab armies in 641 AD.*

*But the memory of the ancient Library of Alexandria lived on. It continued to inspire scholars and humanists everywhere. Many dreamt of one day reviving the great Library...  
(Ismail Serageldin, [http://www.serageldin.com/ancient\\_Library.htm](http://www.serageldin.com/ancient_Library.htm))*

## **PANDUAN PENULIS**

Informika merupakan penerbitan tahunan bertujuan bagi mencapai objektif seperti berikut:

- Untuk menggalakkan penyebaran pengetahuan dan idea dalam pelbagai disiplin berkaitan dengan peradaban informasi di kalangan akademik, sarjana, intelektual, pustakawan dan pekerja ilmu.
- Untuk membantu para akademik mengenengahkan hasil karya mereka samada berbentuk penyelidikan, esei, resensi buku dan seumpamanya.

### **Skop**

Jurnal ini meliputi bidang-bidang berikut:

- Sains perpustakaan dan maklumat
- Pengurusan sistem maklumat
- Pengurusan rekod dan arkib
- Pengurusan pusat sumber maklumat
- Pengurusan pengetahuan
- Manuskrip dan koleksi khas
- Komunikasi dan media
- Pengajian masa depan (*Future studies*)
- Dunia buku dan penerbitan

### **Isi Kandungan**

Jurnal ini mengandungi ruangan berikut:

- (a) Esei fokus
- (b) Esei umum
- (c) Nota penyelidikan/*research in progress*
- (d) Resensi buku
- (e) Rekayasaan (Esei yang menyarankan perubahan)
- (f) Refleksi (sekilas pandangan)

### **Kekerapan**

Jurnal ini diterbitkan sekali setahun.

### **Tema Keluaran Akan Datang**

Sentuhan Intelektual Membaca Karya-karya Besar.

### **Penghantaran Artikel**

Sila hantarkan sesalinan artikel ke alamat penerbit atau e-mel kepada ***shaharom@salam.uitm.edu.my*** atau ***wkadir@salam.uitm.edu.my*** sebelum 15 Oktober 2011.